



**TEKS UCAPAN
YBRS.TUAN HAJI SHAMSUL SHAHRILO BADLIZA BIN
MOHD NOOR
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**DI
MESYUARAT MAJLIS MPS BIL. 9/2020**

30 NOVEMBER 2020, ISNIN

09:00 PAGI

Assalamualaikum wbkt & selamat pagi diucapkan

Yang Berusaha Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman

Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang

Yang Berusaha Tuan Haji Azhar Bin Samsuri

Penolong Setiausaha Majlis Perbandaran Selayang

Yang Amat Dihormati Tan Sri Dato' Paduka Raja Dato' Hj Wan Mahmood Pa' Wan Teh

Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

Yang Berusaha Tuan Amir Fadzlee bin Khalid

Ketua WHIP Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Selayang

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,

Para pengarah jabatan,

Pihak media, tuan-tuan dan puan-puan sekalian

1. Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat dan hidayahnya untuk kita mengadakan Mesyuarat Majlis MPS **Bil.9/2020** bagi **bulan November** pada pagi yang berbahagia ini.

PELANTIKAN SEBAGAI AHLI MAJLIS ZON ANGKAT MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG.

2. Untuk makluman, Majlis Perbandaran Selayang dengan suacitanya telah menimbang dan bersetuju melantik Tuan Amir Fazlee bin Khalid, Ahli Majlis Zon 6 sebagai Ahli Majlis Zon Angkat bagi kawasan Zon 1 berkuatkuasa November 2020 yang sebelum ini disandang oleh Puan Norridah binti A Wahab.
3. Beliau juga menganggotai Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat, Mesyuarat Infrastruktur dan Jawatankuasa Kemasyarakatan yang dianggotai oleh Ahli Majlis sebelum ini.

4. Pelantikan ini berkuatkuasa sehingga pelantikan Ahli Majlis yang baharu dilantik oleh Kerajaan Negeri Selangor.

YAD TAN SRI, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

PRESTASI SEMASA KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN

5. Untuk makluman, sehingga 31 Oktober 2020, MPS berjaya mengutip cukai taksiran semasa sebanyak RM86.53 juta (80.87%) daripada anggaran RM107 juta.
6. Untuk kutipan tunggakan cukai taksiran pula, sebanyak RM4.96 juta (71.39%) berjaya dikutip daripada jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak RM6.9 juta.
7. MPS telah mengeluarkan waran tahanan bagi pemilik yang mempunyai tunggakan RM200.00 ke atas bermula 1 Oktober 2020. Sebanyak 29,772 keping waran telah dikeluarkan dan 3,986 keping waran telah dihantar sehingga 31 Oktober 2020 mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan sepanjang tempoh PKPB.

8. Kepada pemilik yang ingin menjelaskan tunggakan cukai taksiran, pemilik layak diberi pertimbangan pengurangan waran tahanan bagi bayaran secara penuh atau ansuran.
9. MPS juga mengadakan kempen bayaran tunggakan cukai taksiran bagi rumah kampung dan kos rendah sehingga 31 Disember 2020. Bagi pemilik yang membuat bayaran secara penuh, pembatalan waran tahanan akan diberikan. Segala maklumat mengenai kelayakan pembatalan boleh diperolehi di kaunter bayaran cukai taksiran MPS.
10. MPS juga akan mengadakan pra cabutan bertuah pada bulan Disember 2020 ini. Sebanyak 18 unit telefon bimbit akan diberikan kepada pemilik akaun cukai taksiran bertuah yang tidak mempunyai tunggakan sehingga penggal 2/2020 dan telah membuat pengemaskinian maklumat bil digital.

11. Untuk makluman, sehingga tarikh hari ini, sebanyak 35,089 pegangan atau pemilik telah mengemaskini maklumat peribadi akaun masing-masing. Justeru, MPS sekali lagi ingin mengingatkan kepada semua pemilik harta untuk mengemaskini maklumat terkini seperti nombor telefon dan alamat emel dengan mengimbas kod QR yang telah dicetak di bil penggal 2/2020 atau layari laman web MPS bagi memastikan pemegang harta menerima bil secara digital mulai tahun 2021.

TINDAKAN PEROBOHAN PEMBANGUNAN TANPA KEBENARAN DI RAWANG

12. MPS telah menjalankan operasi perobohan dua bengkel jentera berat yang berkeluasan 1.5 ekar dan 0.8 ekar di sekitar Rawang pada 24 November 2020. Operasi bersepadu ini dijalankan bersama Pejabat Tanah dan Daerah Gombak (PTDG), Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Parit dan Saliran (JPS), IPD Gombak dan turut dihadiri YB Tuan

Hee Loy Sian, Exco Pelancongan, Alam Sekitar
Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Orang Asli.

13. Sebelum operasi dijalankan, sesi taklimat berkaitan operasi kepada YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor telah saya sampaikan selaku YDP MPS. Beliau telah mengarahkan MPS dan agensi berkaitan untuk memastikan semua struktur haram di sekitar lembangan sungai yang dibina tanpa kelulusan perlu dirobohkan.
14. Beliau juga memaklumkan tindakan perobohan ini perlu diambil berikutan daripada isu pencemaran sungai yang kebanyakannya berpunca daripada kilang-kilang di kawasan pentadbiran Selayang.
15. Dan untuk makluman, dalam masa terdekat ini, MPS bersama agensi berkaitan akan mengambil tindakan perobohan ke atas 6 lagi baki struktur haram yang melibatkan bengkel jentera berat dan kilang kitar semula. MPS juga akan melakukan pemantauan ke atas tapak yang telah dirobohkan untuk memastikan

sisa-sisa perobohan kilang telah dibersihkan dan tiada aktiviti baru dijalankan di tapak tersebut.

16. Jadi, saya harap, jabatan-jabatan yang terlibat akan terus membuat semakan data, pemantauan dan pemeriksaan ke atas kilang-kilang dan struktur haram yang didirikan di seluruh kawasan pentadbiran MPS.

YAD TAN SRI, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

PENCAPAIAN-PENCAPAIAN MPS

Saya ingin berkongsi beberapa pencapaian yang telah mengharumkan nama MPS sepanjang bulan November ini. Antaranya ialah :

Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan SPB-PBT (Star Rating)

17. Alhamdulillah, MPS telah berjaya mengekalkan 5 bintang dengan markah sebanyak 95.20% bagi sistem penarafan bintang Pihak Berkuasa Tempatan SPB-PBT (*star rating*) dan mendapat tempat ke-6 di antara Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Selangor.

Anugerah Pengurusan Pejabat Cemerlang (APPC) Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor

18. Satu lagi kejayaan yang membanggakan apabila MPS berjaya mendapat tempat kedua bagi Anugerah Pengurusan Pejabat Cemerlang (APPC) Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor kategori Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun 2020.

Pensijilan Semula ISO 9001:2015 Dan Pensijilan ISO/IEC27001:2013

19. Selain itu juga, MPS telah berjaya memperolehi Pensijilan Semula ISO 9001:2015 dengan tiada ketakakuran dilaporkan dan hanya dua cadangan penambahbaikan diberikan oleh SIRIM.
20. Pada masa yang sama, MPS turut berjaya mengekalkan pensijilan ISO/IEC27001:2013 dengan tiada sebarang teguran diberikan oleh SIRIM semasa Audit Pemantauan ISMS 27001.

Anugerah Sustainable Cities And Communities

21. MPS juga turut menerima Anugerah Sustainable Cities And Communities daripada PLAN Malaysia Selangor bersempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia Peringkat Negeri Selangor Tahun 2020. Anugerah ini diberikan atas inisiatif MPS melalui Program Kitar Semula di sekolah-sekolah dalam pentadbiran Selayang.

PROGRAM-PROGRAM YANG AKAN DATANG MPS

PELANCARAN SAMBUTAN HARI INOVASI DAN INTEGRITI 2020 DAN PERHIMPUNAN BULAN DISEMBER

22. Pada 7 Disember 2020 ini, MPS akan mengadakan Sambutan Hari Inovasi dan Integriti. Acara tahunan ini diadakan adalah untuk membudayakan inovasi dan integriti dalam kalangan kakitangan MPS.

23. Pada tahun ini, ‘Adaptif Pendigitalan Ke Arah Kecekapan Perkhidmatan” telah dipilih sebagai tema sambutan Hari Inovasi dan Integriti 2020. Bagi mematuhi SOP Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), sambutan ini akan disiarkan secara *online live streaming*.

PROGRAM WEBINAR PENANDA ARAS PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK MPS 2021-2025

24. Bagi penyediaan pelan strategik MPS 2021-2025, Webinar Penanda Aras Pembangunan Pelan Strategik akan diadakan secara *online* pada 9 Disember 2020. Webinar ini akan dikendalikan oleh Konsultan Akademi PKNS. Topik yang akan disentuh sepanjang seminar ini ialah berkaitan Selangor Negeri Pintar 2025, Bandar Eko Pelancongan dan Bandar Hijau serta Agenda Pembangunan Mampan.

25. Jadi, saya harap semua pengarah-pengarah jabatan dapat mengambil peluang ini dan menggunakan input yang dikongsikan untuk membangunkan pelan strategik MPS.

PROGRAM CERIA KEMBALI KE SEKOLAH

26. Pada 10 Disember 2020 ini, MPS akan mengadakan Program Ceria Kembali Ke Sekolah yang merupakan program tahunan MPS. Penyerahan baucar bantuan persekolahan ini akan diserahkan kepada wakil-wakil pertubuhan anak yatim dan pentadbiran sekolah di 5 buah lokasi melibatkan kawasan DUN Sungai Tua, Gombak Setia, Taman Templer, Rawang dan DUN Kuang mengikut pematuhan SOP PKPB yang telah digariskan.
27. Jadi, saya berharap, sumbangan yang dihulurkan ini dapat sedikit sebanyak membantu meringankan beban dan memberi semangat baru kepada anak-anak yang kurang berkemampuan untuk meneruskan sesi persekolahan pada tahun hadapan.

**PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO
JAWATANKUASA PENDUDUK (JKP) MPS**

28. Saya juga ingin memaklumkan bahawa MPS telah mengadakan Pertandingan Mencipta Logo Jawatankuasa Penduduk (JKP) Majlis Perbandaran Selayang. Pertandingan ini adalah untuk membangunkan dan menyeragamkan logo JKP MPS untuk digunakan oleh 24 zon dalam pentadbiran MPS.
29. Oleh itu, saya menyeru kepada semua kakitangan MPS, Ahli Jawatankuasa Penduduk (JKP) dan penduduk yang menetap di kawasan MPS untuk menyertai pertandingan ini yang mana tarikh penyertaan akan ditutup pada 18 Disember 2020.
30. Saya juga berharap Ahli-Ahli Majlis kawasan dapat menarik warkan kepada JKP masing-masing berkenaan pertandingan ini yang mana pemenang berpeluang memenangi hadiah berupa wang tunai. Untuk sebarang

pertanyaan dan maklumat lanjut mengenai pertandingan ini, sila hubungi Bahagian Urusetia MPS.

YAD TAN SRI, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

AMALAN NORMA BARU COVID-19

31. Memandangkan jumlah kes jangkitan Covid-19 kian meningkat, ingin saya ingatkan kepada semua untuk sentiasa mengamalkan konsep 3W iaitu mencuci tangan dengan air dan sabun (*wash*), memakai pelitup separuh muka (*wear*) dan amaran dari KKM yang lebih berkonsepkan peringatan (*warn*). Kita juga hendaklah sentiasa elakkan 3S dan 3C iaitu jauhi kawasan sesak (*confined spaces*) dan elak bersempbang dengan jarak yang dekat (*close conversation*).

32. Untuk makluman semua juga, MPS turut membuat semburan disenfeksi secara berkala di Ibu Pejabat MPS melibatkan lobi bangunan baru dan lama, di lif, kaunter bayaran dan di semua pejabat cawangan MPS bagi memutuskan rantaian Covid-19.

33. Saya berharap kita semua dapat menyokong usaha dan langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan dan memerangi wabak Covid-19 ini dengan mematuhi arahan yang telah ditetapkan.

**UCAPAN SEMPENA HARI KEPUTERAAN DYMM
SULTAN SELANGOR**

34. Dikesempatan ini juga, saya mewakili warga Perbandaran Selayang ingin merafak sembah dan mengucapkan tahniah kepada DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, Sultan dan Yang Dipertuan bagi Negeri Selangor yang bakal menyambut hari keputeraan baginda ke-75 pada 11 Disember 2020.

35. Dengan kata-kata itu, saya mengakhiri ucapan saya dengan Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh